

# PENGARUH AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN TERHADAP TINGKAH LAKU KESELAMATAN DALAM KALANGAN GURU

## THE INFLUENCE OF SAFETY MANAGEMENT PRACTICES TOWARD THE SAFETY BEHAVIOR AMONGST TEACHERS

Mohd Nazri Hashim<sup>1</sup>,  
Fadzli Shah Abd Aziz<sup>2</sup>,

<sup>1</sup>Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia 06010 Sintok, Kedah.

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

**Accepted date:** 29 January 2018

**Published date:** 15 March 2018

**To cite this document:** Hashim, M. N. & Aziz, F. S. A (2018). Pengaruh Amalan Pengurusan Keselamatan Terhadap Tingkah Laku Keselamatan Dalam Kalangan Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 44-53.

---

**Abstrak:** Tingkah laku adalah penentu kepada kelangsungan keselamatan di sekolah. Amalan pengurusan keselamatan mampu mengukuhkan tingkah laku keselamatan di sekolah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh amalan pengurusan keselamatan berteraskan peraturan dan prosedur, komunikasi dan maklum balas, komitmen pengurusan, latihan, penyertaan dan promosi dalam konteks tingkah laku keselamatan. Kajian tinjauan keratan rentas dijalankan terhadap guru-guru sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia. Seramai 444 responden dipilih berdasarkan gabungan teknik pensampelan bertujuan dan pensampelan rawak bersistematis. Analisis Partial Least Squares-Structural Equation Modeling (PLS-SEM) digunakan untuk menguji model hipotesis kajian. Hasil analisis mendapati amalan pengurusan keselamatan memberi pengaruh langsung yang signifikan terhadap tingkah laku keselamatan. Kesimpulannya, amalan pengurusan keselamatan dibina berdasarkan elemen berkenaan mampu menjamin kelangsungan keselamatan guru dan murid di sekolah.

**Kata Kunci:** Amalan pengurusan keselamatan, Tingkah laku keselamatan sektor pendidikan

**Abstract:** Behaviour is generally accepted as the determinant of safety continuity in school. Moreover, the safety management practices supposedly could reinforce the safety behaviours in schools. This study seeks to identify the effect of safety management practices based on rules and procedures, communication and feedback, management commitment, training, participation and promotion in the context of safety behavior. Therefore, the cross-sectional survey was conducted to the school teachers throughout Peninsular Malaysia. A total number of 444 respondents were selected based on a combination of purposive and systematic random sampling techniques. The analysis of Partial Least Squares-Structural Equation Modelling (PLS-SEM) was applied to examine the hypothesis model of the study. The result of the analysis

*indicates that the safety management practices have a significant direct effect on safety behavior. In conclusion, safety management practices that are built based on the particular elements could establish the safety of teachers and pupils in school*

**Keywords:** Safety management practices, Safety behaviour, Education sector

---

## Pengenalan

Persekutuan sekolah ialah suasana atau keadaan sesebuah sekolah. Amalan pengurusan keselamatan di sekolah berlaku apabila terdapat hubungan di antara guru, pentadbir dan murid melaksanakan aktiviti yang selamat (Husna et al., 2017). Murid merupakan produk bagi melahirkan kecemerlangan pendidikan. Produk tersebut terdedah dengan pelbagai risiko dan bahaya (Wirawani & Rosnani, 2013). Terdapat beberapa negara telah melaksanakan sistem pengurusan keselamatan di sekolah. Amerika syarikat merupakan negara yang pertama menggunakan sistem keselamatan di sekolah (Alolah, Anthony Stewart, Panuwatwanich, & Mohamed, 2014). Hasil perlaksanaan menunjukkan dapat mengurangkan kemalangan dan kecederaan di setiap sekolah.

Kemalangan dan kecederaan berlaku adalah berpunca daripada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Azir, 2010). Faktor dalaman adalah berpunca daripada masalah dalaman organisasi dan individu pekerja. Manakala faktor luaran berpunca daripada persekitaran tempat kerja. Namun begitu Vinodkumar & Bhasi (2010) menyatakan kemalangan dan kecederaan ini adalah disebabkan kecuian dan kesilapan individu. Teori Penyebab Kemalangan Domino dengan merujuk dokumen tuntutan insurans oleh Heinrich menyatakan bahawa kesilapan manusia merupakan penyumbang tertinggi kepada kemalangan pekerjaan iaitu sebanyak 85% hingga 95% (Goetsch 2008 dipetik daripada Subramaniam, Mohd Zin, & Nadir, 2013). Kecuaian individu mungkin disebabkan mengambil jalan mudah dalam menyelesaikan tugasan harian.

Merujuk kepada tugasan harian, guru berhadapan dengan dua faktor iaitu menjaga keselamatan diri sendiri dan faktor kedua menjaga keselamatan produk (murid) (Tahir, Rahman, & Pongsu, 2011). Kecuaian dan kesilapan akan menyebabkan kesan kepada kemalangan yang mengakibatkan nyawa mahupun kecederaan. Berbeza dengan sektor pembuatan, pengilangan dan pembinaan. Pekerja hanya perlu menjaga keselamatan diri sendiri dengan mematuhi peraturan sedia ada. Bertepatan dengan akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan 1994 menyebut , seksyen (2) menyatakan seperti berikut :

*Suatu Akta untuk membuat peruntukan lanjut bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang-orang yang bekerja untuk menujuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.*

## Permasalahan kajian

Tingkah laku keselamatan adalah satu proses yang sukar untuk diterapkan kepada individu pekerja (Guo, Yiu, & González, 2016). Kajian lalu telah membincangkan tingkah laku keselamatan di kalangan pekerja dalam sektor pembuatan, minyak dan gas dan pengilangan. Manakala kajian tingkah laku keselamatan dalam sektor pendidikan kurang diberi perhatian oleh penyelidik. Namun begitu kebanyakan kajian terdahulu memfokuskan kepada pematuhan dan penglibatan dalam tingkah laku keselamatan (Aryee & Hsiung, 2016; Lee & Dalal, 2016;

Milosevic & Radomsky, 2013). Sekalipun begitu dimensi pematuhan dan penglibatan masih belum mencapai tahap konsep tingkah laku keselamatan. Oleh itu Tucker & Turner, (2011) telah memperkenalkan exit, voice, loyalty dan neglect EVLN sebagai dimensi baharu dalam tingkah laku keselamatan.

Dimensi ini akan digunakan untuk mengukur tingkah laku keselamatan dalam kajian ini secara empirikal sesuai dengan persekitaran sekolah.

### **Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh amalan pengurusan keselamatan pekerjaan terhadap tingkah laku keselamatan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia.

### **Skop kajian**

Kajian ini hanya memfokuskan kepada guru-guru sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Manakala sekolah swasta dan di bawah seliaan kerajaan negeri tidak di libatkan. Ini adalah kerana sistem pengurusan pendidikan tidak sama seperti sistem di bawah seliaan KPM.

### **Sorotan Karya**

#### **Tingkah laku keselamatan**

Tingkah laku keselamatan di kaji dengan pendekatan yang berbeza melalui adaptasi empat dimensi iaitu berpindah tempat kerja yang selamat (*exit*), bersuara tentang keimbangan keselamatan (*voice*), adaptasi dengan kerja yang bahaya dan berharap keadaan keselamatan akan bertambah baik (*patient*), sengaja membiarkan keadaan keselamatan bertambah buruk (*neglect*) (Tucker & Turner, 2011). Konsep ini juga hasil daripada model Hirschman, (1973) kurang diukur dalam tingkah laku keselamatan. Elemen ini lebih jelas untuk menentukan tingkah laku individu pekerja. Namun begitu elemen ini amat kurang dikaji oleh penyelidik dalam bidang keselamatan pekerjaan.

*Exit* didefinisikan sebagai berhenti kerja atau berpindah tempat kerja dengan cara sukarela (Farrell, 1983). Sikap ini adalah mengambil langkah berwaspada terhadap keselamatan pekerjaan. Situasi ini berlaku dalam pelbagai keadaan iaitu mungkin mengambil masa untuk keluar daripada bahaya dan kerja yang tidak selamat (Tucker & Turner, 2011).

Voice dalam konteks keselamatan ialah memberi motivasi kepada pekerja untuk mengambil tindakan yang selamat berdasarkan kepada prosedur kerja (Tucker & Turner, 2011). *Voice* keselamatan juga mendorong pekerja melahirkan rasa keimbangan terhadap keselamatan. Keprihatinan individu terhadap keselamatan diterjemahkan melalui *voice* apabila melaporkan faktor-faktor bahaya dan kemungkinan bahaya yang akan berlaku.

*Loyalty* dalam keselamatan pekerjaan menjurus kepada melaksanakan tugas yang bahaya dan berharap supaya keadaan keselamatan bertambah baik.(Tucker & Turner, 2011). Leck & Saunders, (1992) telan mencadangkan semua pekerja melaksanakan tugas dengan penuh kesabaran dalam pelbagai situasi. Dalam konteks keselamatan pekerjaan terdapat dua manifestasi iaitu pasif dan aktif.

Neglect ialah merujuk kepada kemerosotan prestasi kerja melalui minat atau usaha, kelewatan atau ketidakhadiran kronik, menggunakan masa syarikat untuk perniagaan peribadi (Rusbult, Farrell, Rogers, & Mainous, 1988). Merujuk kepada keselamatan pekerja pengabaian ini lebih

kepada sikap tidak peduli terhadap bahaya dan tidak melaksanakan tugas dengan baik. Sikap pentingkan diri diutamakan tidak bertanggungjawab di atas tugas yang diberi.

### ***Amalan pengurusan keselamatan***

Amalan pengurusan keselamatan merupakan faktor peramal kepada tingkah laku keselamatan dalam pekerjaan. Sudah pasti amalan pekerjaan dilaksanakan seperti rutin biasa namun aturan pengurusan untuk keselamatan belum pasti dijalankan mengikut prosedur dan peraturan. Amalan pengurusan keselamatan ini didefinisikan sebagai amalan, peranan dan fungsi dengan merujuk kepada persekitaran tempat kerja (Kirwan 1998 dipetik daripada Vinodkumar & Bhasi 2010). Vredenburgh (2002) telah menggunakan amalan pengurusan keselamatan dalam kajian organisasi keselamatan. Begitu juga Chen & Chen (2014) menggunakan sistem amalan pengurusan keselamatan dalam kajiannya. Hayes, Perander, Smecko, & Trask (2013) dalam kajian mereka mendedahkan amalan pengurusan keselamatan merupakan satu elemen skala pengukuran keselamatan kerja yang terbaik terhadap kepuasan kerja.

Komitmen pengurusan keselamatan merupakan tanggungjawab pihak pengurusan atasan terhadap keselamatan pekerja. Komitmen pihak pengurusan dilihat berdasarkan aktiviti keselamatan yang dijalankan, tingkah laku serta percakapan mereka (Hofmann 1996). Berdasarkan persepsi tersebut, pekerja percaya bahawa keselamatan adalah penting dalam organisasi (Griffin & Neal 2006). Namun begitu aktiviti keselamatan di persekitaran sekolah tidak dibudayakan dalam amalan tugas-harian secara sistematik (Husna et al., 2017) sedangkan Surat pekeliling ikhtisas bilangan 8 tahun 2011, pengurusan keselamatan murid di sekolah antaranya menyatakan seperti berikut:

“Pihak pengurusan sekolah hendaklah bersikap tegas terhadap sebarang perkara yang boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan murid. Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah sentiasa mengingatkan semua guru akan tanggungjawab tersebut agar perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya.”

“Menekankan aspek keselamatan diri murid pada setiap masa sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah atau aktiviti-aktiviti luar bilik darjah yang dianjurkan dari semasa ke semasa.”

Laporan ketua audit negara telah menegur pengurusan kawalan keselamatan di 35 buah sekolah mendapati kurang memuaskan. Antara teguran audit ialah perkhidmatan kawalan keluar masuk tidak memuaskan, rakaman watchman clock tidak teratur, kehadiran pengawal tidak mencukupi dan denda tidak dikenakan. (ketua Audit negara, 2012). Syarat pengawal keselamatan menjalani ujian air kencing tidak dinyatakan dalam perjanjian (Ketua Audit Negara, 2015).

Latihan keselamatan merujuk kepada program latihan yang disediakan kepada pekerja merangkumi kaedah dan prosedur keselamatan, tindak balas terhadap situasi kecemasan dan penilaian terhadap situasi yang membahayakan di tempat kerja. Mutakhir terdapat beberapa agensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti NIOSH telah memperkenalkan latihan keselamatan di sekolah melalui program OSH in school. Program latihan yang sistematik dan komprehensif dapat membantu pekerja memahami dan meningkatkan sistem keselamatan dan kesihatan yang berkualiti (Vredenburgh, 2002). Davies dan Tomasin (1996) pula menyatakan bahawa latihan keselamatan yang berkesan dapat meningkatkan tahap pematuhan keselamatan seseorang semasa melaksanakan kerja. Matlamat program latihan ini adalah untuk melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengenali dan menguruskan bahaya dalam persekitaran yang kompleks (Namian, Albert, Zuluaga, & Jaselskis, 2016).

Transformasi latihan adalah penting kerana anggaran menunjukkan bahawa hanya 10-15% dari pelaburan latihan diterjemahkan ke dalam perubahan, amalan, atau manfaat tempat kerja yang diinginkan (Baldwin dan Ford 1994).

Penyertaan keselamatan merujuk kepada individu pekerja yang diberi peluang oleh majikan dalam menyertai jawatankuasa keselamatan pekerjaan. Mereka juga diberi ruang untuk memberi pendapat dalam membuat keputusan. Penyertaan pekerja juga adalah "sejauh mana pekerja dapat mempengaruhi dan mengendalikan isu-isu pengurusan OHS di tempat kerja". Proses pengurusan keselamatan melibatkan aliran komunikasi menaik di kalangan individu atau kumpulan dan proses membuat keputusan dalam organisasi (Vredenburgh, 2000). Selain itu membantu organisasi untuk mencapai matlamat utama dan matlamat pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta meningkatkan prestasi keselamatan organisasi untuk manfaat pekerja dan organisasi. Garrett dan Perry (1996) mendapati bahawa penyertaan pekerja dalam membuat keputusan keselamatan dapat mengurangkan kecederaan dalam tempoh satu tahun.

Komunikasi dan maklum balas keselamatan merupakan alat penyampaian maklumat keselamatan pekerjaan yang berkesan dalam menangani isu-isu keselamatan. Komunikasi yang berkesan dan mudah difahami oleh pekerja dapat membantu mewujudkan komitmen pekerja untuk mematuhi peraturan dan melaksanakan kerja dengan selamat (Glendon & Mckenna 1995). Ini kerana komunikasi yang jelas tentang isu-isu keselamatan di antara pengurusan, penyelia dan tenaga kerja merupakan amalan pengurusan yang berkesan untuk meningkatkan keselamatan di tempat kerja (Vredenburgh 2002).

Peraturan dan prosedur keselamatan adalah berkaitan tatacara garis panduan atau perundangan yang disediakan oleh pihak majikan. Garis panduan ini perlu dipatuhi oleh semua pekerja bagi menjamin keselamatan di tempat kerja. Kajian keselamatan yang dijalankan oleh Cox dan Cheyne (2000) dalam kalangan pekerja pesisir pantai mendapati bahawa penyediaan peraturan dan prosedur keselamatan adalah faktor penting dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar kemalangan. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian tersebut peraturan dan prosedur keselamatan merupakan sebahagian daripada dimensi amalan pengurusan keselamatan (Vinodkumar & Bhasi, 2010). Sehubungan itu pihak pengurusan perlu menyampaikan dasar dan peraturan keselamatan melalui promosi keselamatan bagi mengelak dan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.

Dasar promosi keselamatan adalah berkaitan polisi keselamatan pekerjaan dan usaha pihak pentadbir untuk menyampaikan dan mempromosikan maklumat keselamatan di tempat kerja (Subramaniam et al., 2013). Poses promosi keselamatan mempunyai pelbagai kaedah untuk membudayakan amalan keselamatan di tempat kerja, Pemberian insentif, anugerah dan pengiktirafan untuk memotivasi para pekerja untuk melaksanakan dengan selamat adalah ciri promosi keselamatan yang diterima dari pengurusan tingkah laku organisasi dan keseluruhan model pengurusan kualiti (Hagan et al., 2001). Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis berikut dikemukakan.


H1 Terdapat pengaruh yang signifikan amalan pengurusan keselamatan pekerjaan terhadap tingkah laku keselamatan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia.

### **Kerangka Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh amalan keselamatan pekerjaan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah dan menengah di semenanjung Malaysia. Dimensi amalan

pengurusan keselamatan ini merangkumi komitmen pihak pengurusan sekolah yang menerangkan sejauh mana pihak pengurusan komited untuk memastikan guru-guru bekerja dalam keadaan yang selamat. Dimensi latihan keselamatan melihat penyediaan dan keterlibatan individu guru dalam latihan keselamatan yang relevan dalam konteks pekerjaan. Manakala dimensi penyertaan pekerja merujuk kepada kebolehan guru menyertai dalam jawatankuasa keselamatan bagi menangani isu-isu berkaitan keselamatan pekerjaan.

Komunikasi dan maklum balas merujuk kepada amalan guru-guru menyediakan suasana yang menggalakkan komunikasi antara kedua-dua pihak majikan dan pekerja dalam membincangkan isu keselamatan pekerjaan. Dimensi peraturan dan prosedur pula merujuk kepada amalan guru-guru dalam mematuhi dan melaksanakan peraturan serta prosedur keselamatan untuk memastikan tempat kerja itu selamat. Manakala dimensi terakhir dasar promosi keselamatan melihat kepada amalan guru-guru dalam mempromosikan keselamatan tempat kerja. Kerangka kajian dipamerkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1:** kerangka kajian

### **Methodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan berpandukan kepada reka bentuk tinjauan keratan rentas. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk meninjau persepsi responden terhadap konstruk yang membentuk model hipotesis kajian. Unit analisis kajian ini adalah pada tahap individu iaitu guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah pensampelan adalah berpandukan teknik pensampelan rawak mudah, sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru semenanjung Malaysia. Berdasarkan teknik model persamaan struktur (PLS-SEM), saiz sampel minimum yang diperlukan ialah 65 (Cohen, 1992; Hair, Hult, Ringle & Sarstedt, 2014). Ia bertujuan mencapai tahap kuasa statistik sebanyak 80 peratus pada nilai  $R^2$  sekurang-kurangnya 0.25 pada aras signifikan 0.05. Kutipan data dijalankan dalam tempoh sebulan 50 buah sekolah.

Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A memperincikan maklumat demografi. Bahagian B memperincikan konstruk amalan pengurusan keselamatan. Bahagian C pula mengukur konstruk tingkah laku keselamatan. Kesemua item di bahagian B dan C diukur menggunakan skala Likert lima tahap (1=sangat tidak setuju hingga 5=sangat setuju). Pengukuran amalan pengurusan keselamatan diukur melalui 31 item yang dicirikan kepada komitmen pihak pengurusan, latihan, komunikasi dan maklum balas, peraturan dan prosedur, penyertaan dan promosi keselamatan (Vinodkumar & Bhasi, 2010). Manakala konstruk tingkah

laku keselamatan mengandungi 20 item mewakili dimensi inisiatif, pindah tempat kerja, sabar, bersuara dan pengabaian(Azir, 2010; Tucker & Turner, 2011).

Analisis statistik deskriptif dijalankan melalui perisian *IBM SPSS Statistics* 20.0 bagi memperihalkan maklumat demografi responden. Analisis statistik inferens dijalankan menggunakan teknik analisis lanjutan PLS-SEM berbantuan perisian Smart PLS 3.0. Ia meliputi penilaian model pengukuran reflektif dan model struktur. Menurut Hair et al. (2014), terdapat empat kriteria yang perlu dipenuhi dalam model pengukuran reflektif iaitu:(1) ketekalan dalaman (alfa cronbach dan kebolehpercayaan komposit melebihi melebihi 0.7), (2) kebolehpercayaan indikator (pemuatan faktor melebihi 0.708), (3) kesahan konvergen (berdasarkan nilai AVE melebihi 0.5) dan (4) kesahan diskriminan (pemuatan faktor silang, kriteria Fornell-Larcker (nilai  $\sqrt{AVE}$  melebihi r) dan nilai dalam jadual HTMT melebihi 0.90) Penilaian model struktur adalah berdasarkan nilai *Variance Inflation factor* kurang daripada 5(VIF<5), nilai beta ( $\beta$ ), nilai SE, nilai t melebihi 1.645 (satu arah), nilai p kurang daripada 0.05 dan nilai sela keyakinan(CI) pada 95%. Model struktur juga ditunjukkan sebagaimana kerangka konseptual kajian menggunakan nilai ( $\beta$ ) dan nilai  $R^2$ .

### **Dapatan Kajian**

Hasil analisis terhadap 453 responden yang mengembalikan borang soal selidik terdapat 9 outlier (data terpencil). Akhirnya hanya seramai 444 responden sahaja dipilih sebagai sampel kajian. Taburan keseluruhan responden kajian ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

**Jadual 1: Ciri Demografi Responden (n = 444)**

<b>Ciri Demografi Responden</b>		<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	124	27.90
	Perempuan	320	72.10
Pendidikan	Sijil / Diploma	41	9.20
	Ijazah	365	82.20
	Sarjana	37	8.30
	Doktor Falsafah	1	0.20
Status	Bujang	38	8.60
	Berkahwin	395	89.00
	Janda / Duda	11	2.50
Posisi Jawatan	Ketua Panitia	99	22.30
	Guru Kelas	134	30.20
	Guru Biasa	211	47.50
Umur	18 – 24 Tahun	12	2.70
	25 – 34 Tahun	102	23.00
	35 – 44 Tahun	197	44.40
	45 – 54 Tahun	116	26.10


	55 Tahun ke atas	17	3.80
Pengalaman	Kurang dari setahun	19	4.30
	1 – 4 Tahun	37	8.30
	5 – 9 Tahun	92	20.70
	10 – 14 Tahun	94	21.20
	15 – 19 Tahun	83	18.70
	20 Tahun ke atas	119	26.80
Jarak Tempat Bertugas	Kurang dari 9 KM	256	57.70
	10 – 19 KM	112	25.20
	20 – 29 KM	41	9.20
	30 – 39 KM	19	4.30
	40 KM ke atas	16	3.60

### **Penilaian model reflektif**

Jadual 2 menunjukkan rumusan penilaian model reflektif. Semua dimensi memenuhi kriteria yang diperlukan dengan baik. Nilai alfa cronbach ( $\alpha$ ), kebolehpercayaan komposit (CR) dan average variance extracted telah mencapai tahap keperluan minimum.

<b>Jadual 2 : penilaian model reflektif</b>			
	Cronbach's Alpha	Composite Reliability	Average Variance Extracted (AVE)
<b>Amalan pengurusan Keselamatan</b>	0.886	0.913	0.638
<b>Tingkah laku keselamatan</b>	0.757	0.847	0.582

Rajah 2 menerangkan pengukuran model amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan. Enam konstruk amalan pengurusan keselamatan mempunyai nilai pemuatan item (*item loading*) yang menepati tahap keperluan minimum.



**Rajah 2: keputusan penilaian model struktural**

### **Penilaian model pengukuran.**

Penilaian model analisis lintasan dilakukan untuk menguji pengaruh secara langsung amalan pengurusan keselamatan dengan tingkah laku keselamatan. Namun begitu nilai R<sup>2</sup> berada pada tahap 0.209 iaitu pada tahap pengaruh yang rendah ( Hair *et al* 2017) Jadual 3 menunjukkan keputusan penilaian model struktur secara langsung.

**Jadual 3: Penilaian model pengukuran**

Hipotesis	Original Sample	Standard Deviation	T values	P Values
( $\beta$ )				
<b>Amalan Pengurusan</b>	0.457	0.038	11.915	0.000
<b>Keselamatan -&gt; tingkah laku keselamatan</b>				

Hipotesis 1 meramalkan amalan pengurusan keselamatan dengan tingkah laku keselamatan mempunyai pengaruh yang signifikan. Hasil ujian tersebut mendapat signifikan ( $\beta = 0.457$ ,  $t = 11.915$ ,  $p = 0.000$ ). Keputusan ini diterima.

### **Perbincangan dan Kesimpulan**

Amalan pengurusan keselamatan dalam pekerjaan menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku yang selamat di tempat kerja. Komitmen pengurusan, latihan, komunikasi dan maklum balas, peraturan dan prosedur, promosi dan penyertaan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku keselamatan. Keseimbangan antara penjanaan tanggungjawab pekerjaan dengan keselamatan diri pekerja di terjemahkan melalui amalan menjaga hubungan sesama manusia. Dapatkan kajian ini telah membuktikan elemen amalan pengurusan keselamatan telah menyumbang kepada tingkah laku guru.

Kesimpulannya kajian ini dapat menjelaskan bahawa keselamatan pekerjaan perlu kepada tindakan amalan pengurusan keselamatan sebagai faktor yang memberi kesan yang signifikan kepada tingkah laku keselamatan. Kajian lanjut wajar dijalankan bagi memperlihatkan konsep perlaksanaan amalan pengurusan keselamatan secara sistematik dan berpengetahuan di kalangan guru.

### **Rujukan**

- Alolah, T., Anthony Stewart, R., Panuwatwanich, K., & Mohamed, S. (2014). *Developing a comprehensive safety performance evaluation framework for Saudi schools*. *International Journal of Productivity and Performance Management* (Vol. 63). <http://doi.org/10.1108/IJPPM-05-2013-0096>
- Aryee, S., & Hsiung, H. H. (2016). Regulatory focus and safety outcomes: An examination of the mediating influence of safety behavior. *Safety Science*, 86, 27–35. <http://doi.org/10.1016/j.ssci.2016.02.011>
- Azir. (2010). *Safety behavior in the Malaysian petrochemical industry*. Universiti Utara Malaysia.
- Chen, C. F., & Chen, S. C. (2014). Measuring the effects of Safety Management System practices, morality leadership and self-efficacy on pilots' safety behaviors: Safety motivation as a mediator. *Safety Science*, 62, 376–385. <http://doi.org/10.1016/j.ssci.2013.09.013>
- Farrell. (1983). Exit , Voice , Negkct Job Loyalty , as Responses Dissatisfaction : Multidimensional Scaling. *The Academy of Management Journal*, 26(4), 596–607.
- Guo, B. H. W., Yiu, T. W., & González, V. A. (2016). Predicting safety behavior in the construction industry: Development and test of an integrative model. *Safety Science*, 84,

- 1–11. <http://doi.org/10.1016/j.ssci.2015.11.020>
- Hayes, B. E., Perander, J., Smecko, T., & Trask, J. (2013). Reprint of “Measuring Perceptions of Workplace Safety: Development and Validation of the Work Safety Scale.” *Journal of Safety Research*, 29(3), 145–161. <http://doi.org/10.1016/j.jsr.2013.07.023>
- Hirschman, A. O. (1973). “Exit, voice, and loyalty”: Further reflections and a survey of recent contributions, 7–26.
- Husna, N., Hassan, C., Makhtar, N. K., Subki, N. S., Hamzah, N. A., & Ismail, S. (2017). A Survey on Occupational Safety and Health Awareness Among School Teachers in Kelantan, Malaysia, 487. <http://doi.org/10.1007/978-3-319-41688-5>
- ketua Audit negara. (2012). *Laporan Ketua Audit Negara 2012*.
- Ketua Audit Negara. (2015). *Laporan ketua audit negara*.
- Leck, J. D., & Saunders, D. M. (1992). Hirschman's Loyalty : Attitude or Behavior ?, 5(3).
- Lee, S., & Dalal, R. S. (2016). Climate as situational strength: Safety climate strength as a cross-level moderator of the relationship between conscientiousness and safety behaviour. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 25(1), 120–132. <http://doi.org/10.1080/1359432X.2014.987231>
- Milosevic, I., & Radomsky, A. S. (2013). Keep Your Eye on the Target : Safety Behavior Reduces Targeted Threat Beliefs Following a Behavioral Experiment, 557–571. <http://doi.org/10.1007/s10608-012-9483-2>
- Morrow, S. L., McGonagle, A. K., Dove-Steinkamp, M. L., Walker, C. T., Marmet, M., & Barnes-Farrell, J. L. (2010). Relationships between psychological safety climate facets and safety behavior in the rail industry: A dominance analysis. *Accident Analysis and Prevention*, 42(5), 1460–1467. <http://doi.org/10.1016/j.aap.2009.08.011>
- Namian, M., Albert, A., Zuluaga, C. M., & Jaselskis, E. (2016). Improving Hazard-Recognition Performance and Safety Training Outcomes : Integrating Strategies for Training Transfer. *Journal of Construction Engineering and Management*, 1–11. [http://doi.org/10.1061/\(ASCE\)CO.1943-7862.0001160](http://doi.org/10.1061/(ASCE)CO.1943-7862.0001160)
- Rusbult, C. E., Farrell, D., Rogers, G., & Mainous, A. G. (1988). Impact of Exchange Variables on Exit, Voice, Loyalty, and Neglect: an Integrative Model of Responses To Declining Job Status Satisfaction. *Academy of Management Journal*, 31(3), 599–627. <http://doi.org/10.2307/256461>
- Subramaniam, C., Mohd Zin, M. L., & Nadir, S. R. (2013). Hubungan amalan pengurusan keselamatan dengan pematuhan keselamatan pekerjaan di Jabatan bomba dan penyelamat Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 37, 133–142.
- Tahir, L. M., Rahman, M. A. A., & Pongsu, R. (2011). Pengetahuan Pentadbir Sekolah Rendah Tentang Aspek Perundangan Dalam Pendidikan. *Jurnal Teknologi*, 56, 161–178.
- Tucker, S., & Turner, N. (2011). Young worker safety behaviors: Development and validation of measures. *Accident Analysis and Prevention*, 43(1), 165–175. <http://doi.org/10.1016/j.aap.2010.08.006>
- Vinodkumar, M. N., & Bhasi, M. (2010). Safety management practices and safety behaviour: Assessing the mediating role of safety knowledge and motivation. *Accident Analysis and Prevention*, 42(6), 2082–2093. <http://doi.org/10.1016/j.aap.2010.06.021>
- Vredenburgh, A. G. (2002). Organizational safety : Which management practices are most effective in reducing employee injury rates ?, 33, 259–276.
- Wirawani, K., & Rosnani, H. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Unity Among Students. *Social Science Research Network*, 27(1), 1–12. <http://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>